

MELAKA, 6 MEI (BERNAMA)-- PARA GURU HARI INI DISERU MEMBERI PERHATIAN KEPADA GERAKAN KOPERASI DI SEKOLAH-SEKOLAH KERANA KOPERASI MENDORONG PERPADUAN DAN KESTABILAN NEGARA.

KOPERASI JUGA MENGGALAKKAN KERJASAMA DAN PERSEFAHAMAN ANTARABANGSA KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD.

KATANYA, KOPERASI TELAH LAMA DIMASUKKAN SEBAGAI SATU PERKARA DALAM MATAPELAJARAN SIVIK BAGI MURID-MURID DI SEKOLAH DAN KEMENTERIAN PELAJARAN MENGGALAKKAN PENUBUHANNYA SEBAGAI LATIHAN AMALI UNTUK MEREKA.

DR. MAHATHIR BERUCAP MERASMIKAN SAMBUTAN JUBLI EMAS SYARIKAT GURU-GURU MELAYU NEGERI MELAKA DI SINI PETANG INI.

BELIAU MENYERU PARA GURU SELANJUTNYA MENYEBARKAN FAHAMAN KOPERASI KEPADA MURID-MURID DAN MEMBANTU MEREKA MENJAYAKAN KOPERASI SEKOLAH. --BERSAMBUNG 1650/15

585:

## MAHATHIR - KOPERASI 2 MELAKA

DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA KOPERASI NASIONAL SEKOLAH YANG DITUBUHKAN TIDAK LAMA DULU TELAH MEMULAKAN PERKHIDMATAN MEMBEKALKAN KEDAI-KEDAI KOPERASI SEKOLAH DENGAN BERBAGAI-BAGAI JENIS BARANG KEPERLUAN.

KATANYA KOPERASI NASIONAL SEKOLAH AKAN MEMAINKAN PERANAN BESAR DALAM PEMBEKALAN BARANG-BARANG KEPERLUAN SEKOLAH DAN MURID DENGAN HARGA YANG MURAH.

BELIAU MENYATAKAN HARAPAN KNS DAPAT MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM YANG MURAH, TERUTAMA BAGI MURID-MURID YANG MISKIN.

SYARIKAT GURU-GURU MELAYU NEGERI MELAKA MERUPAKAN SYARIKAT GURU YANG KEDUA BESARNYA DI NEGARA INI SELAIN SYARIKAT GURU-GURU MELAYU NEGERI KEDAH.

BERMULA DENGAN 30 ORANG AHLI 50 TAHUN YANG LALU, SYARIKAT ITU KINI DIANGGOTAI OLEH LEBIH 1,600 ORANG DENGAN MODAL MENINGKAT HAMPIR \$3 JUTA. -- BERSAMBUNG HM 1759

592:

## MAHATHIR-KOPERASI 3 MELAKA

KETUA MENTERI MELAKA HAJI ABDUL GHANI ALI DALAM UCAPANNYA MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA ORANG-ORANG MELAYU BERUSAHA SENDIRI DENGAN LEBIH TEKUN LAGI DARI SEKARANG BAGI MENENTUKAN KEJAYAAN SEPENUHNYA SEGALA RANCANGAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

KATANYA, USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN OLEH BADAN-BADAN KERAJAAN SEPERTI MARA DAN UDA MERUPAKAN USAHA DARI PIHAK KERAJAAN SAHAJA DAN BUKANNYA USAHA YANG DATANG SECARA LANGSUNG DARI RAKYAT.

KETUA MENTERI JUGA BERHARAP SYARIKAT GURU-GURU ITU TURUT SAMA MEMAINKAN PERANAN BERSAMA-SAMA PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI INI DALAM MENINGGIKAN LAGI TARAF EKONOMI ORANG-ORANG MELAYU.

HAJI GHANI MENEGASKAN PERANAN MODAL DALAM LAPANGAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN AMAT PENTING DAN MERUPAKAN SATU LANGKAH YANG WAJIB BAGI ORANG-ORANG MELAYU UNTUK MENYERTA DALAM BIDANG TERSEBUT.

-BERSAMBUNG  
HM 1725